



**IKLAN KEKOSONGAN PREMIS PERNIAGAAN
JABATAN PENILAIAN DAN PEGURUSAN HARTA
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

TEL: 03-38530303 SAMBUNGAN: 1507

(MULAI 04 DISEMBER 2023 HINGGA 18 DISEMBER 2023)

BIL	LOKASI MyKIOSK	BILANGAN UNIT	KADAR SEWAAN (RM)	JENIS PERNIAGAAN
1.	MyKiosk Pantai Morib	4	RM150.00	1. Menjual makanan dan minuman ringan 2. Menjual buah-buahan 3. Menjual kuih-muih 4. Menjual permainan kanak-kanak 5. Menjual cenderamata
2.	MyKiosk Pantai Batu Laut	3	RM150.00	
3.	MyKiosk Taman Perwira, Telok Panglima Garang	3	RM120.00	

GAMBAR PREMIS



**PANDANGAN
HADAPAN**



**PANDANGAN
SISI**



**PANDANGAN
BELAKANG**

LOKASI	<ol style="list-style-type: none">1) MyKiosk Pantai Morib2) MyKiosk Pantai Batu Laut3) MyKiosk Taman Perwira, Telok Panglima Garang
BIL KEKOSONGAN	10 Unit Kiosk
JENIS BANGUNAN	Kiosk Kerangka Besi dan ACP (Aluminium Composit Product)
KEMUDAHAN UTILITI	Elektrik: Panel Solar Air: Tiada
LUAS BANGUNAN	9' X 7'

TATACARA PERMOHONAN

Membeli Borang Permohonan di Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Kuala Langat berharga RM1.00 sahaja.

Syarat-Syarat Pemohon :-

1. Keutamaan adalah kepada pemohon yang menetap di dalam Daerah Kuala Langat.
2. Pemohon dan pasangan adalah Warganegara Malaysia.
3. Pemohon hanya berhak mengemukakan satu permohonan sahaja. Permohonan berikutnya akan ditolak
4. Pemohon yang mempunyai hubungan keluarga terdekat seperti adik-beradik, suami isteri dan anak-beranak dengan penyewa yang sedia ada di Kawasan premis yang dipohon adalah tidak dibenarkan untuk memohon dan akan ditolak permohonan tersebut.
5. Pihak Majlis berhak untuk membatalkan permohonan tanpa sebarang notis sekiranya pemohon tidak mematuhi syarat-syarat atau jika didapati maklumat yang diberikan tidak tepat.
6. Pemohon perlu mempunyai Sijil Lengkap Digital Vaksinasi Covid-19
7. Had Umur dari 21 – 65 tahun
8. Pemohon yang menghantar borang permohonan selepas tarikh tutup akan **DITOLAK**
9. Sekiranya pemohon memohon di lokasi yang **TIADA KEKOSONGAN / TIDAK DIIKLANKAN**, maka permohonan tersebut akan ditolak tanpa temuduga

Syarat-syarat Utama Penyewaan :-

1. Pemohon adalah digalakan untuk melawat premis yang ingin dipohon sebelum menghantar borang permohonan.
2. Segala pembaikan dan penyelenggaraan premis akan ditanggung oleh penyewa.
3. Tiada pindaan atau tambahan kepada gerai asal.
4. Menjalankan perniagaan sendiri (tidak dibenarkan menyerahkan, menyewa atau menjual kepada orang lain).
5. Membayar sewaan gerai tanpa gagal setiap bulan.
6. Keputusan Mesyuarat adalah muktamad.

- Dokumen yang Diperlukan :-
1. Salinan Kad Pengenalan
 2. 1 Gambar Berukuran Passport
 3. Salinan Kad OKU (Jika Berkaitan)
 4. Salinan Pendaftaran Perniagaan / Syarikat SSM (Jika Ada)
 5. Salinan Penyata Kewangan (Bank) – 3 Bulan Terkini
 6. Kertas Cadangan Perniagaan & Gambar Produk
 7. Salinan Bil Air/ Elektrik/ Telefon
 8. Salinan Sijil Lengkap Vaksinasi Covid-19

Dokumen yang **tidak lengkap** akan **DITOLAK**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 18 DISEMBER 2023 (ISNIN) SEBELUM 4.30 PETANG
HANYA PERMOHONAN YANG LENGKAP DAN DISENARAI PENDEK SAHAJA AKAN DIPANGGIL UNTUK SESI TEMUDUGA

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar melalui serahan tangan berserta bayaran yuran proses berjumlah **RM10.00** ke alamat seperti di bawah:

Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta,
Majlis Perbandaran Kuala Langat,
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,
42700 Banting.

SEBARANG PERTANYAAN
SILA HUBUNGI : 03-3853 0303
Sambungan : 1504/1507